

NOTA PENTING DARIPADA POLISI PEMBERIAN MAKLUMAT KUMPULAN PNB

1. Pengenalan

- 1.1 Pemberian maklumat boleh didefinisikan sebagai pendedahan secara sukarela atau pelaporan mengenai penyelewengan individu atau organisasi, salah laku atau kelakuan tidak wajar dan mencurigakan oleh seseorang di dalam organisasi.
- 1.2 PNB memastikan piawaian standard yang tertinggi di dalam perniagaan dan etika personal dalam setiap tanggungjawab dan tugas. PNB menegakkan kejujuran dan integriti di dalam memenuhi peranannya bagi memastikan kepatuhan terhadap undang-undang dan peraturan.
- 1.3 PNB menggalakkan kesemua pihak terlibat untuk mengajukan dan menyuarakan kebimbangan dalam perilaku yang tidak wajar (atau salah laku) tanpa perasaan ragu dan khuatir tindakan tersebut akan mengundang sebarang diskriminasi atau penganiayaan.

2. Skop Polisi

- 2.1 Polisi Pemberian Maklumat Kumpulan PNB ("Polisi Pemberian Maklumat") berperanan untuk membantu pelaporan mengenai aktiviti pecah amanah/rasuah, salah perilaku, penyelewengan, misdemeanour, peniagaan haram, kelakuan menyinggung, salah laku disiplin, dan sebarang pelanggaran polisi dan prosedur atau sebarang kelakuan yang merbahaya terhadap reputasi dan kepentingan PNB dalam komitmennya untuk menggalakkan akauntabiliti dan ketelusan yang tinggi.

- 2.2 Polisi ini merangkumi kesemua aduan melibatkan perilaku tidak wajar mengenai pekerja PNB dan pihak yang menyumbangkan servis kepada PNB, termasuk perunding konsultan, vendor, trainer, kontraktor bebas, pembekal, agen, agensi luar dan/ atau pihak lain yang mempunyai hubungan perniagaan dengan PNB.

3. Prosedur Laporan

Pemberi maklumat boleh mendedahkan sebarang salah perilaku kepada Unit Integriti, PNB, secara bertulis, menggunakan saluran-saluran yang selamat, seperti atas talian, email atau surat menyurat, berserta ringkasan kepada pertuduhan tersebut.

4 Definisi dan terjemahan

Terminologi	Definisi
Salah perilaku	: Sebarang perilaku yang merujuk kesalahan tata tertib atau jenayah.
PNB	: Bermaksud Permodalan Nasional Berhad dan / atau entiti berikut (mana yang berkenaan): a) Amanah Saham Nasional Berhad; b) Pelaburan Hartanah Nasional Berhad; c) PNB Merdeka Ventures Sdn Berhad; d) PNB Management Services Sdn Berhad; dan e) Mana-mana Syarikat dan /atau entiti yang dipersetujui oleh ahli lembaga pengarah PNB.
Pemberian maklumat	: Bermaksud mana-mana pihak yang terlibat dalam membuat pendedahan salahlaku tidak wajar.

5. Kerahsiaan / Sulit

- 5.1 Pemberi maklumat, penerima maklumat atau mana-mana individu terlibat dalam proses pemberian maklumat ini hendaklah merahsiakan maklumat yang diterima daripada pemberi atau sebarang maklumat berkaitan, atau sebarang hasil perbincangan daripada prosiding, kecuali;
- i) pendedahan dibuat kepada mereka yang mempunyai kuasa di bawah polisi ini dan mempunyai sebab yang kukuh untuk mengetahui maklumat tersebut atas dasar kerja; atau
 - ii) pendedahan dibuat kepada pihak ketiga atas dasar kerahsiaan / sulit bagi tujuan untuk mendapatkan nasihat pakar; atau
 - iii) pendedahan yang diperlukan oleh mana-mana undang-undang atau bidang kuasa berkanun.